

Muzium pameran keunikikan adat

Kementerian buka pusat khas ketengahkan khazanah warisan rakyat pelbagai kaum negara ini di Kuala Klawang, Jelebu

B.H. M/S 69

4.07



TERSERGAM INDAH: Bangunan Muzium Adat di Kuala Klawang, Jelevu.

KUALA KLAWANG: 'Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'.

Itu antara peribahasa menggambarkan betapa pentingnya adat kepada masyarakat Melayu yang sememangnya terkenal dengan pelbagai adat resam dalam menjalani kehidupan seharian.

Daripada mula melihat dunia hingga saat menutup mata, seseorang itu terikat dengan pengamalan pelbagai adat serta warisan yang ditinggalkan nenek moyang.

Bagaimanapun, bukan masyarakat Melayu saja yang kuat dengan adat resamnya, bangsa lain di negara ini juga tidak ketinggalan.

Kaum Cina, India, Orang Asli atau etnik di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan-Dusun dan Iban juga mempunyai adat tersendiri, tidak ketinggalan etnik minoriti lain seperti Peranakan Baba dan Nyonya serta keturunan Portugis di Melaka.

Berdasarkan kajian, Malaysia mempunyai antara 12 hingga 15 adat resam, termasuk amalan warisan yang semakin dilupakan seperti Adat Temenggong yang kini hanya diketahui melalui buku teks pendidikan sejarah.

Menyedari pentingnya aspek adat dipelihara untuk warisan generasi masa depan, sebuah muzium khas untuk tujuan itu diwujudkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bandar Kuala Klawang, Jelebu.

Mengambil alih bangunan Umno Bahagian Jelebu setinggi empat tingkat, Muzium Adat kini menjadi kebanggaan dan mercu tanda terbaru masyarakat daerah berkenaan khususnya serta rakyat Negeri Sembilan amnya.

Tingkat bawah menempatkan maklumat pengenalan mengenai adat di negara ini, tingkat dua diisi bahan berhubung ibadat, kepercayaan dan amalan adat masyarakat dalam



TERSERGAM INDAH: Bangunan Muzium Adat di Kuala Klawang, Jelebu.

kehidupan, perkahwinan dan kematian.

Tingkat tiga pula mempamerkan pelbagai manuskrip lama serta maklumat sejarah kerajaan asal negara ini, manakala tingkat empat dijadikan pejabat pentadbiran muzium berkenaan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Menteri terbaru di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia itu dibangunkan dengan kos RM2.4 juta dan dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada Jun atau Julai depan.

"Kita mewujudkan muzium ini kerana selama ini tiada muzium khas yang mempamerkan bahan berkaitan adat di negara ini, sedangkan kita ada antara 12 hingga 15 adat yang diamalkan oleh rakyat berbilang bangsa," katanya.

Beliau percaya muzium terbabit dapat menarik pelancong walaupun terletak di luar bandar kerana pelbagai program akan dirancang untuk mempromosinya, termasuk menyenaraikan muzium itu dalam kalendar pelancongan negara.

"Saya akan berbincang dengan Menteri Pelancongan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor supaya kementerian itu membantu mempromosi muzium ini. Jika pelancong ingin mengetahui adat rakyat negara ini, datanglah ke Kuala Klawang," katanya.

Apa yang menarik mengenai muzium berkenaan, ia turut menempatkan paparan digital mengandungi maklumat lengkap mengenai tamadun Islam dan Sains.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai pelbagai jenis adat di Malaysia dari latar belakang ketua adat sehingga ritual bangsa dan agama, muzium ini adalah tempat yang paling tepat dikunjungi.

Antara maklumat dan bahan dipamerkan ialah berhubung upacara perayaan, adat sembah, animisme serta peranan ketua adat seperti Bobohizan dalam masyarakat Kadazan-Dusun, Tuai Rumah (Iban), Tok Batin (Orang Asli), Pedanda atau sami (India), Sami Buddha (Cina) dan ketua adat istiadat istana (Melayu).

Rais berkata, idea mewujudkan muzium berkenaan tercetus pada 2005 dengan tujuan utamanya supaya generasi muda negara ini akan dapat mengetahui pelbagai jenis adat yang diamalkan masyarakat pelbagai kaum dan etnik.



SEJARAH: Pengunjung melihat pameran Tokoh Pendukung Adat.



TRADISI: Pakaian untuk upacara perayaan adat di Sabah dan Sarawak.



“*Sayang jika keunikan adat di Malaysia yang diamalkan masyarakat Melayu, India dan Cina serta etnik di Sabah dan Sarawak, selain etnik minoriti lain yang kaya dengan adatnya seperti keturunan Portugis dan Peranakan di Melaka serta Orang Asli tidak didokumentasi dan dipamerkan”*

Dr Rais Yatim

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

FAKTA

Muzium Adat di Kuala Klawang, Jelevu

- Dibina dengan kos RM2.4 juta.
- Muzium pertama di Malaysia khusus untuk adat.
- Beroperasi di premis empat tingkat bekas bangunan Umno Bahagian Jelevu.
- Dijangka dibuka sepenuhnya kepada umum Jun atau Julai 2007.